

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAH PROGRAM SISA SIFAR (ZERO WASTE)
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) KAY SIN, MACHANG BUBUK
3 OGOS 2012
9.00 PAGI**

Terima kasih Pengacara Majlis

Yang Dihormati En. Soon Lip Chee

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Merangkap Pengurus Pasukan Kerja LA21 Mesra Alam, MPSP

Yang Dihormati Pn. Chin Koon Keng

Guru Besar

Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kay Sin

Yang Dihormati Pegawai dari Continental Automotive

Component Malaysia Sdn. Bhd (Rakan Setia MPSP)

Para Guru dan Murid

Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kay Sin

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamu'alaikum ,Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Pelancaran Sisa Sifar Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kay Sin, Machang Bubuk pada pagi ini.

Saya di maklumkan, tahun ini merupakan tahun ketiga SJK (C) Kay Sin, Machang Bubuk menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Pada tahun 2011, sekolah ini telah berjaya mendapat Anugerah Perak. Tahniah diucapkan. Saya percaya pada tahun ini, sekolah ini akan memberi saingan yang sengit kepada sekolah lain yang turut bertandingan dalam Anugerah Sekolah Hijau. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada guru besar, barisan kepimpinan PIBG, guru-guru, murid-murid yang berusaha meningkatkan keindahan dan kehijauan di persekitaran sekolah ini.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh semua guru dan murid sekolah ini boleh dilihat di mana sabun yang dibuat daripada minyak terpakai digunakan di kantin sekolah dan tandas. Saya juga difahamkan, aktiviti membawa barang-barang yang boleh dikitar semula akan diadakan pada setiap hari Jumaat.

Untuk makluman semua, penyertaan Sekolah Sisa Sifar ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau yang

telah dilancarkan pada 25 Jan 2010 di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Butterworth. SJK (C) Kay Sin merupakan sekolah rendah keempat yang menyertai Program Sisa Sifar selepas Sekolah Kebangsaan Tok Kandu, SJK (C) True Light, Juru dan Sekolah Kebangsaan Jawi. Sehingga bulan Julai 2012, sebanyak 52 buah sekolah telah menyertai Pertandingan Sekolah Hijau berbandingan dengan tahun 2010 dan tahun 2011, masing-masing hanya mencatatkan 30 dan 36 penyertaan sahaja daripada sekolah di Seberang Perai.

Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran dan memberi pendekatan secara holistik bagi pengurusan sisa-sisa pejabat, kantin dan kebun kepada pihak sekolah serta menggalakkan penambahbaikan berterusan.

Selain itu, pada bulan Jun hingga Ogos, akan berlangsungnya Kempen Tiada Beg Plastik, di mana kempen dijalankan setiap hari dan makluman syarat tambahan baru untuk lesen iaitu tidak menggunakan bekas polisterin akan dilakukan, manakala pada bulan September hingga November akan berlangsungnya Kempen Tidak Menggunakan Polisterin serta dijalankan pemantauan dan pemeriksaan notis kepada pihak yang tidak mematuhi perintah yang telah dikeluarkan. Pada 1.1.2013 akan dilakukan penguatkuasaan/kompaun batal lesen kepada yang tidak patuh syarat lesen.

Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu "*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*"

Murid-murid yang dikasihi,

Maksud sisa sifar ialah semua sisa berbentuk pepejal yang boleh dikitar semula dikumpul untuk kitar semula. Manakala bagi sisa organik kantin pula akan dibuat kompos. Bagi bahan-bahan yang tidak boleh dikitar semula, para murid adalah dinasihatkan supaya mengelak dari membeli atau kurang menggunakaninya. Peranan ibu bapa, guru dan murid ialah mengubah corak hidup kita yang suka membuang semua barang yang tidak dikehendaki ke dalam tong sampah. Barang-barang ini sebenarnya boleh dikitar semula.

Selain itu, peranan guru juga diperlukan bagi membantu pihak MPSP memberikan pengajaran kepada semua murid mengenai kitar semula, eko-komuniti, perancangan hijau serta aktiviti 4R (Rethink, Reduce, Reuse & Recycle). Kefahaman murid adalah penting bagi memastikan kitar semula yang kita laksanakan berjaya. Justeru itu, adalah lebih baik kitar semula itu kita jadikan sebagai amalan kerana amalan yang baik memberikan manfaat kepada semua.

Para guru dan murid sekalian,

Pada tahun 2011 dan tahun 2012, MPSP telah menggunakan pendekatan yang berbeza berbanding dengan tahun-tahun yang lepas kerana masalah pengurusan sisa pepejal bukan lagi masalah yang boleh dijadikan aktiviti sampingan dimana ia hanya menjadi pelengkap rangka jadual kerja tahunan ataupun bulanan kepada persatuan ataupun sekolah. Tetapi ia merupakan program yang perlu dilaksanakan dan merupakan cabaran yang besar kepada Pihak Pengurusan MPSP.

Untuk makluman umum semua, pada tahun 2011, MPSP telah menguruskan 5460 tan sisa pepejal dengan kos perbelanjaan sebanyak RM 42 juta. Pada tahun 2012, dalam bajet yang diperuntukan, angka ini akan mencecah RM 65 juta. Oleh itu, MPSP telah menjalankan aktiviti kitar semula, kadar kitar semula sehingga bulan Jun adalah sebanyak 32.87% dimana ia adalah lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, 20% pada tahun 2020 dan sasaran Kerajaan Negeri, 30%. Daripada 32.87% kadar kitar semula tersebut MPSP telah dapat menjimatkan wang sebanyak RM246,779.48.

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat hasil Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat	Peratusan Hasil Kitar Semula
Januari	31,887.00	10,705.89	42,592.89	25.13 %
Februari	29,487.00	11,035.24	40,522.24	27.23 %
Mac	32,770.00	6,453.16	39,223.16	16.45 %

April	32,459.00	12,773.03	44,232.03	28.55 %
Mei	30,387.00	10,536.92	40,923.92	25.74 %
Jun	29,757.46	14,576.44	44,333.90	32.87 %

Para guru dan murid sekalian,

Saya menyeru kepada pihak sekolah agar dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran sekolah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan “*Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*” Hasrat Kerajaan Negeri ini juga seiring dengan fokus dan visi MPSP.

Untuk makluman semua, Program Sisa Sifar yang akan dilancarkan pada hari ini juga selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu :

- **Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan**

Dibawah fokus ini, program-program yang akan dijalankan adalah seperti meningkatkan kehijauan alam sekitar dengan mengadakan penanaman pokok. Selain daripada itu, taklimat berkenaan dengan kitar semula, pengasingan di punca, gotong-royong, ceramah dan lain-lain akan dijalankan.

Aktiviti ini juga selaras dengan Fokus 2 : Eko-Komuniti (Community Management) di peringkat sekolah.

Saya amat mengharapkan setiap sekolah di Seberang Perai dapat memainkan peranan dalam merancang dan memastikan kebersihan sekolah sentiasa terpelihara. Para murid juga seharusnya diberikan tanggungjawab bagi menjaga kebersihan kelas sendiri dan kawasan-kawasan tertentu. Penglibatan murid secara menyeluruh bererti mereka dididik untuk menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dalam aspek kebersihan. Pihak PIBG juga dapat memainkan peranan melalui aktiviti gotong-royong ataupun program lain seperti membuat *mudball* yang boleh dijalankan dari masa ke semasa. Saya juga ingin menjemput pihak guru dan pelajar semua untuk turut serta program rekreasi MPSP, Bicycle Ride untuk Seberang Perai Selatan (Sept/Okt), Larian Hijau (26.8.2012), Senamrobik 26.8.2012 dan lain-lain program. (Minggu Ke-3 Hari Ahad setiap bulan Senamrobik di Taman Tugu Demokrasi Bagan manakala hari Ahad minggu pertama setiap bulan senamrobik di Taman Tunku Seberang Jaya bermula September 2012. Sila layari web-site MPSP. Murid yang sihat akan dapat menjadi murid yang cemerlang. Pelajar semua adalah pemimpin di masa akan datang.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan ini, saya merasmikan Program Sisa Sifar Sekolah Jenis Kebangsaan
(Cina) Kay Sin, Machang Bubuk.

Sekian, terima kasih.